



18 MAY, 2024

## 49 pasukan hangatkan cabaran MJHL

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 1 of 2

## 49 pasukan hangatkan cabaran MJHL

KUALA LUMPUR: Penganjuran Liga Hoki Remaja Malaysia (MJHL) 2024 mencatat penyertaan tertinggi dengan 49 pasukan bakal menghangatkan kejohanan yang berlangsung pada 24 Mei hingga 29 Jun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) Datuk Seri Dr Anil Sandhu berkata ia merupakan penyertaan tertinggi sejak 2016 dalam kategori Divisyen 1, Divisyen 2 lelaki dan perempuan, membabitkan keseluruhan 174 perlawanan sepanjang kejohanan.

Beliau berkata tiada sekatan atau had jumlah pemain dikenakan terhadap mana-mana pasukan untuk menggunakan pemain kebangsaan dalam saingan kali ini, sekali gus menarik jumlah penyertaan pasukan tertinggi tahun ini.

“Ini adalah penyertaan pasukan tertinggi sejak 2016. Semua pemain remaja kebangsaan dibenarkan untuk beraksi dalam saingan liga ini tanpa sekatan,” katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Anil berkata 10 pasukan lelaki akan berentap dalam Divisyen 1 menggunakan venue rasmi masing-masing bermula Jumaat depan manakala 22 pasukan lelaki Divisyen 2 dibahagikan kepada dua Zon iaitu Zon Utara akan beraksi di Stadium Hoki Bertam, Pulau Pinang dan Zon Tengah di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, bermula 4 Jun.

Kategori perempuan pula melibatkan 17 pasukan Divisyen 2 akan berentap di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, bermula 4 Jun.

“Bagi pasukan Divisyen 1, seperti biasa penglibatan pasukan adalah mengikut proses ditetapkan. MSSPP-PSHA dan Smidin-MSNT yang merupakan dua pasukan terbaik Divisyen 2 pada musim lepas telah dinaikkan beraksi di Divisyen 1 musim ini manakala dalam Divisyen 2 kita akan dapat saksikan penampilan beberapa pasukan baharu,” katanya.

Pada edisi lepas, SSTMI Thunderbolts muncul juara Divisyen 1 dan Piala TNB manakala Divisyen 2 menjadi milik MSSPP-PSHA. SSTMI-PKS UNITEN dinobatkan juara kategori perempuan. - Bernama